

# Anugerah Inovasi UMS platform tingkat kualiti, produktiviti

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR  
nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU:  
Penganjuran Majlis Anugerah Inovasi oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah sebagai platform untuk

memantapkan peningkatan kualiti dan produktiviti dalam kalangan kakitangan universiti berkenaan.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata, majlis

anugerah berkenaan juga sebagai galakan kepada kakitangan universiti itu, untuk membudayakan nilai-nilai kreatif dan inovatif.

Beliau berkata, UMS perlu mendahului dan menjadi juara dalam budaya kreativiti dan inovasi dalam usaha memberi sumbangan kepada kemajuan negara.

"UMS bertekad menjadi universiti berinovatif bertaraf dunia dan untuk mencapai matlamat itu, kita perlu membuat penilaian kendiri terhadap lapan kriteria utama.

"Kita harus meningkatkan kuantiti dan kualiti penyelidikan dan penyelidikan, kuantiti dan kualiti pelajar pascasiswazah selain inovasi, perkhidmatan profesional dan pengiktirafan serta rangkaian dan perhubungan dan kemudahan sokongan," katanya ketika ketika merasmikan Majlis Anugerah Inovasi UMS 2010, di sini, kelmarin.

Tegas beliau, inovasi amat penting dalam pembangunan penyelidikan dan ia sepatutnya berkembang seiring dengan penyelidikan terutamanya ketika universiti itu masih menghadapi kekurangan jumlah produk penyelidikan.

"UMS telah melaksanakan beberapa perubahan bersifat inovasi dalam pengurusan seperti sistem e-meeting, sistem maklumat pelajar, pengurusan penjawatan secara e-jobs, CV Online, My-CPD serta beberapa sistem lain," katanya.

Justeru, beliau menggesa

ketua jabatan setiap sekolah, pusat, institut dan unit untuk menghasilkan sekurang-kurangnya dua inovasi sehingga tahun depan.

"Sekiranya dapat dilaksanakan, maka pada penghujung 2011, UMS akan mempunyai sekurang-kurangnya 70 produk inovasi yang boleh dinilai dan diberikan pernghargaan," katanya yang turut berharap dapat melihat lebih ramai kakitangan dan pelajar UMS mengambil bahagian dalam anugerah inovasi di semua peringkat.

Tahun ini, sebanyak sepuluh anugerah iaitu anugerah Pengajaran, Tokoh Penyelidik (Malim, Penyelidik, Penyelidik Muda, Harapan Inovasi), Inovasi Pelajar Terbaik, Pengurusan Kewangan Terbaik, Pengurusan Kewangan Terbaik, Inovasi Perkhidmatan Awam (AIPA), Penerbitan Buku (Sains Sosial dan Kemanusiaan, Sains Teknologi dan Perubatan), Lanskap Terbaik, Laman Web Terbaik (Sekolah, Penyelidikan, Perkhidmatan, Kelab dan Persatuan), Pengurusan Pejabat Terbaik, Dasar Penjimatan Utiliti Terbaik termasuk Anugerah Khas Naib Canselor sebagai pemenang keseluruhan.

Kategori yang dipertandingkan meliputi bidang pengurusan, pentadbiran, penyelidikan, kreativiti, ketokohan dan kepimpinan.

Bagi Anugerah Pengajaran, Dr Awgku Hasanul Bahar



**ANUGERAH NAIB CANSELOR...** Kamaruzaman menyampaikan Anugerah Naib Canselor yang merupakan anugerah utama Majlis Anugerah Inovasi UMS kepada Ketua Pustakawan UMS, Dg. Rukiah Awg. Amit (kanan), kelmarin.

Pengiran Bagul dari Sekolah Pengajian Ekonomi menerima Anugerah Inovasi Harapan; Anugerah Tokoh Penyelidik dimenangi Prof Dr Charles Vairappan dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (IBTP),

**Anugerah Tokoh Penyelidik Muda** dimenangi Wilson Yong Thau Lym dari Institut Penyelidikan Bioteknologi (IPB), Anugerah Inovasi Harapan dimenangi Ferlis Bullare@Haji Bahari (Unit Penyelidikan Psikologi dan Kesihatan Sosial, UPPKS) manakala Anugerah Inovasi Pelajar Terbaik, johan dimenangi Agnesius Muslim dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM) dan Teng Chen Ling

dari Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) mendapat johan.

Bagi Anugerah Pengurusan Kewangan Terbaik, Sekolah Pengajian Lestari (SPL) mendapat johan, Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) pula sebagai naib johan dan Unit Media dan Teknologi Pendidikan (UMTP) di tempat ketiga dengan Sekolah Sains dan teknologi (SST) memenangi Inovasi Harapan.

Untuk Anugerah AIPA, johan dimenangi oleh UMTP, naib johan oleh Jabatan Pendaftar dan SST di tempat ketiga dengan IPB memenangi Inovasi Harapan.